



### Terbuka Memanah UPM Persediaan Ke SUKMA



Atlet Memanah UPM beraksi dalam Kejohanan Memanah Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) 2010.

**SERDANG, 16 Mei** – Kejohanan Memanah Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) 2010 menyediakan peluang kepada atlet memanah membuat persediaan sebelum menyertai kejohanan SUKMA 2010 pada 10 hingga 19 Jun ini.

Seramai 80 atlet memanah SUKMA membuat persediaan terakhir dengan menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh UPM di Pusat Sukan selain memberi pendedahan kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Jurulatih Memanah UPM, Faiz Mokhtar Lopi berkata sukan itu perlu dijadikan sukan tumpuan pelajar IPTA kerana mendapat galakan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Persatuan Memanah negeri.



Timbalan Naib Canselor (Jaringan dan Industri) UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew menyampaikan hadiah kepada kumpulan memanah UPM.

Dalam kejohanan itu, atlet UPM Mohd Kaharuddin Ashah merangkul 3 pingat iaitu emas kategori lelaki 'Overall Men Double' 70 meter, perak kategori 'Individual Olympic Round' dan acara berpasukan 'Team Olympic Round'.



"Saya berharap agar pelajar baharu UPM mengambil sukan memanah ini sebagai sukan pilihan kokurikulum berkredit," kata pelajar tahun tiga, Bachelor Pembangunan Manusia, Fakulti Ekologi Manusia.



*Mohd Kaharuddin Ashah merangkul 3 pingat .*

Pemanah wanita UPM, Siti Soleha Mohd Yusof meraih pingat perak kategori 'Women Recurve'.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**